

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]
TARIKH : 01 NOVEMBER 2016
SOALAN :

YB Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menaik taraf kemudahan serta prasarana hospital di **seluruh negara** terutamanya di Bintulu yang serba kekurangan terutama dari segi kemudahan infrastruktur dan peralatan perubatan dalam masa terdekat ini ; dan
- (b) apakah **pelan naik taraf** yang telah dirancang jika ada, dan jika tiada apa kekangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian untuk menaik taraf Hospital Bintulu mengikut keperluan rakyat tempatan.

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memang mempunyai perancangan untuk menaik taraf kemudahan serta prasarana hospital di **seluruh negara**, namun pelaksanaannya perlu dilakukan secara berperingkat mengikut keutamaan keperluan dan bersesuaian dengan peruntukan kewangan termasuk di Hospital Bintulu.

Perancangan pelan naik taraf ini juga harus mengambil kira faktor-faktor seperti prevalens masalah kesihatan yang dihadapi (*burden of diseases*) , aksesibiliti kepada fasiliti kesihatan dan keupayaan kewangan kerajaan serta keupayaan menyediakan sumber tenaga manusia.

KKM sentiasa prihatin dengan keperluan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tempatan. Oleh yang demikian, projek pembinaan Unit Rawatan Kebakaran dengan kos sebanyak RM 8,650,219 telah berjaya disiapkan pada 16 September 2016 demi kepentingan masyarakat Bintulu dan Sarawak amnya. Unit kebakaran ini mampu menjadi pusat rujukan bagi kes-kes kebakaran di wilayah utara dan tengah Sarawak malah dilengkapi dengan peralatan-peralatan perubatan berteknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM telah meluluskan peruntukan untuk perolehan peralatan perubatan di Hospital Bintulu bagi tiga (3) tahun kebelakangan ini seperti berikut:

2014	RM2,811,290.00
2015	RM4,209,355.00
2016	RM1,196,000.00

Peralatan yang dibeli adalah seperti *autoclave machine, ventilator high frequency oscillatory, centrifuge refrigerated microtube* dan *colour doppler ultrasound machine*.

Usaha naik taraf peralatan perubatan di hospital KKM adalah berdasarkan keutamaan perkhidmatan dan kemampuan kewangan semasa kerajaan.

SULIT

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN [PM 22(5)]

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG
[RASAH – DAP]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016

SOALAN (NO.50)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

- a) Berapakah peruntukan kementerian telah salurkan untuk memperkembangkan pasukan Taring Dota 2 sejak penubuhan, dan
- b) Apakah pertubuhan yang mengendalikan bantuan kewangan tersebut dan mengapakah Armand Azha Abu Hanifah terpilih untuk mengendalikan pasukan Taring

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mendaftarkan "E-Sport" sebagai sukan di bawah Akta Pembangunan Sukan (APS) 1997 atas nama Persatuan Sukan Elektronik Malaysia dan merupakan badan pengawal sukan elektronik peringkat kebangsaan. Sehingga kini 68 buah badan sukan elektronik yang sah berdaftar di Pejabat Pesuruhjaya Sukan (PPS).
2. Selaras dengan penubuhan Persatuan Sukan Elektronik Malaysia, pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan termasuklah penganjuran Sukan Cyber Malaysia merupakan festival sukan kebangsaan bertujuan mengembangkan "E-Sport" di Malaysia serta mencungkil peserta muda yang berbakat dalam kalangan anak tempatan.
3. Berkaitan dengan soalan apakah pertubuhan yang mengendalikan bantuan kewangan dan mengapakah Armand Azha Abu Hanifah terpilih untuk mengendalikan pasukan Taring Dota2 tersebut adalah tidak berkaitan dengan KBS. Selain itu juga, KBS tidak pernah menyalurkan apa-apa peruntukan khusus untuk memperkembangkan pasukan Taring Dota2 sejak penubuhannya.

Sekain, terima kasih.